

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan feri ikonik Pulau Pinang selepas dihentikan operasi serta status pengangkutan penumpang mengikut kaedah baru dan bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan feri sepenuh masa di Pulau Pinang yang telah bermula sejak dari tahun 1894 mempunyai sejarah yang mendalam dan telah melalui pelbagai fasa evolusi dari sebelum kemerdekaan negara sehingga hari ini.

Kini, operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang telah diambil alih semula oleh Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) bermula 1 Januari 2021 selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bertarikh 18 Disember 2019. Selaras dengan pengambilalihan semula oleh pihak PPSB, feri-feri lama telah dihentikan operasi berikutan kondisi feri-feri tersebut yang terlalu usang serta tidak lagi efektif dan selamat untuk terus beroperasi bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang.

Namun begitu, bagi memastikan nilai ikonik feri-feri ini terus berada di perairan Pulau Pinang selepas ditamatkan operasi, pihak Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah memutuskan supaya feri-feri ini dipajakkan untuk dijadikan muzium terapung (Feri Pulau Pinang), restoran terapung (Feri Pulau Payar dan Feri Pulau Kapas) serta feri pelancongan (Feri Pulau Undan dan Feri Pulau Talang-Talang). Pajakan telah bermula pada 1 Ogos 2021. Pemajak-pemajak sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan-kelulusan dari agensi kerajaan yang berkaitan sebelum dapat beroperasi. Sebuah lagi feri iaitu Feri Pulau Angsa juga telah dihadiahkan oleh SPPP kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam hubungan ini, selaras dengan rancangan penaiktaraan fasiliti pelabuhan dan juga sistem operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang yang direncana oleh Pihak Berkuasa Pelabuhan iaitu SPPP dan juga operator pelabuhan iaitu PPSB, penambahbaikan ke atas perkhidmatan feri dengan penggunaan perkhidmatan feri jenis baharu, iaitu ‘*water bus*’, untuk membawa penumpang pejalan kaki dan ‘*vehicle transporter*’ untuk membawa penumpang dengan kenderaan beroda dua (motosikal dan basikal) bakal dilaksanakan bermula pertengahan tahun 2022.

Justeru itu, dengan pengenalan perkhidmatan feri baharu yang bakal dilaksanakan, Kerajaan Persekutuan memberi jaminan akan memastikan kelangsungan operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang dan perkhidmatan tersebut akan diteruskan tanpa sebarang halangan serta selaras dengan kehendak pengguna. Ini adalah kerana perkhidmatan feri merupakan antara mod pengangkutan penting dan ikon di Pulau Pinang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kematian COVID-19 mengikut pecahan kaum, umur dan negeri serta apakah jumlah bantuan yang dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah kes kematian akibat COVID-19 sehingga 5 Disember 2021 berserta umur, kaum dan negeri adalah seperti di **Jadual 1**.
2. Untuk makluman, data yang dikumpul adalah berdasarkan negeri dan daerah di mana pelaporan kes COVID-19 adalah melalui Pejabat Kesihatan Daerah ke Jabatan Kesihatan Negeri dan seterusnya ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) KKM dan CPRC Perkhidmatan Hospital (Perubatan).
3. Di bawah NADMA, sebanyak RM49,080,00 bantuan khas pengurusan kematian telah disalurkan kepada 9,816 waris sehingga 19 November 2021 (**Jadual 2**).

Sekian, terima kasih.

Jadual 1 Kes Kematian COVID-19 Mengikut Negeri (sehingga 5 Disember 2021)*

Negeri	Kumulatif (total) Kes kematian COVID-19	Kumulatif Kes BID	Umur			Jantina		Etnik						
			≤18	19-59	≥60	P	L	M	C	I	Bumiputra Sabah	Bumiputra Sarawak	Orang Asli	Bukan Warganegara
Johor	3776	471	15	1867	1894	1691	2085	2480	658	261	4	2	29	342
Kedah	2083	314	9	899	1175	1023	1060	1630	187	212	0	0	0	54
Kelantan	1186	266	5	329	852	614	572	1117	24	3	0	1	16	25
Melaka	942	125	5	446	491	422	520	712	139	53	0	0	1	37
Negeri Sembilan	1283	139	5	443	835	556	727	730	237	237	0	0	15	64
Pahang	718	88	0	323	395	274	444	529	93	33	0	1	32	30
Perak	1292	175	4	426	862	543	749	829	241	112	0	0	77	33
Perlis	128	7	0	38	90	58	70	114	10	2	0	0	0	2
Pulau Pinang	1672	361	7	561	1104	727	945	632	701	175	0	0	0	164
Sabah	2711	1050	43	833	1835	1074	1637	85	333	5	1711	1	0	576
Sarawak	1599	332	8	412	1179	699	900	264	371	0	0	945	0	19
Selangor	9811	2087	27	5176	4609	4030	5781	4841	1877	1315	0	12	15	1751
Terengganu	612	65	8	208	396	285	327	597	7	0	1	0	0	7
WP Kuala Lumpur	2628	676	4	1185	1438	1102	1527	1028	817	240	2	5	0	536
WP Labuan	150	42	0	81	69	60	90	5	25	3	86	0	0	31
WP Putrajaya	23	1	0	5	18	5	18	22	0	1	0	0	0	0
Jumlah	30614	6199	140	13232	17239	13162	17452	15615	5720	2652	1804	967	185	3671

*Sumber: CPRC Kebangsaan & CPRC Perubatan

Jadual 2: Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 Mengikut Negeri (Sehingga 19 November 2021)*

Negeri	Lulus	Bayaran RM
Johor	1,017	5,085,000
Kedah	646	3,230,000
Kelantan	435	2,175,000
Melaka	389	1,945,000
Negeri Sembilan	456	2,280,000
Pahang	245	1,225,000
Pulau Pinang	305	1,525,000
Perak	297	1,485,000
Perlis	43	215,000
Selangor	3,642	18,210,000
Terengganu	227	1,135,000
Sabah	412	1,060,000
Sarawak	431	1,155,000
Kuala Lumpur	1,018	5,090,000
Labuan	125	625,000
Putrajaya	128	640,000
Jumlah	9,816	49,080,000

*Sumber: NADMA